



PANDUAN SOLAT TARAWIH DI RUMAH UNTUK WARGA UUM

Pusat Islam UUM mengambil peluang untuk berkongsi panduan Solat Tarawih ringkas berdasarkan Panduan Solat Sunat Tarawih (2018), JAKIM, Cetakan kelapan belas bagi panduan warga UUM.

Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) menyarankan kita semua warga UUM untuk menunaikan Solat Sunat Tarawih di rumah sahaja bersama keluarga bagi mengelak penularan wabak Covid-19. Walaupun begitu, kita masih tetap boleh menunaikan ibadah Solat Sunat Tarawih sama ada secara sendirian atau berjemaah bersama keluarga di rumah. Marilah kita menggunakan kesempatan waktu yang ada untuk Solat Sunat Tarawih berjemaah bersama ahli keluarga.

Solat Sunat Tarawih secara kebiasaannya ditunaikan selepas Solat Isya' iaitu selepas selesai sahaja menunaikan solat sunat rawatib Isya' sebanyak 2 rakaat.

Di sini dinyatakan secara ringkas tatacara Solat Tarawih berjemaah untuk panduan warga UUM:-

1. NIAT

Niat Solat Sunat Tarawih secara sendirian.

أُصَلِّي سُنَّةَ التَّرَاوِيحِ رَكْعَتَيْنِ لِلَّهِ تَعَالَى.

"Sahaja aku solat sunat tarawih 2 rakaat kerana Allah Ta'ala."

Niat Solat Sunat Tarawih secara berjemaah (Niat menjadi Imam atau Makmun).

أُصَلِّي سُنَّةَ التَّرَاوِيحِ رَكْعَتَيْنِ إِمَامًا/مَأْمُومًا لِلَّهِ تَعَالَى.

"Sahaja aku solat sunat tarawih 2 rakaat imam/makmum kerana Allah Ta'ala."

2. TATACARA SOLAT TARAWIH 8 RAKAAT

Solat Sunat Tarawih 8 rakaat boleh dilakukan dengan 4 salam, iaitu ditunaikan pada dua rakaat pertama dan memberi salam. Seterusnya disambung semula dua rakaat berikutnya sehingga genap jumlah 8 rakaat (2 rakaat x 4 salam).

Bacaan surah semasa Solat Sunat Tarawih 8 rakaat

Tidak ada pengkhususan surah yang wajib dibaca semasa Solat Sunat tarawih dilaksanakan iaiya boleh dibaca apa-apa surah dalam al-Quran mengikut tertib susunannya. Boleh dibaca surah-surah yang mudah dan dihafal sama ada yang pendek atau panjang.

Bagi warga UUM yang tidak menghafaz surah-surah yang panjang bolehlah membaca surah-surah pendek di dalam juzuk 30 yang dikenali dengan ayat lazim semasa Solat Sunat Tarawih secara 8 rakaat atau 20 rakaat.

Bacaan surah-surah berikut dilakukan selepas daripada membaca surah al-Fatihah.

SUSUNAN SURAH SOLAT SUNAT TARAWIH 8 RAKAAT		
Bil.	Nama Surah	Permulaan Surah
1.	Surah al-Takathur	أَلَمْ نَكُ الْمُتَكَاثِرِينَ
2.	Surah al-Ikhlâs	قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ
3.	Surah al-Asr	وَالْعَصْرِ
4.	Surah al-Ikhlâs	قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ
5.	Surah al-Humazah	وَيْلٌ لِّكُلِّ هُمَزَةٍ لُّمَزَةٍ
6.	Surah al-Ikhlâs	قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ
7.	Surah al-Fiil	الْمُتَرَكِّفَ
8.	Surah al-Ikhlâs	قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ

} Rakaat pertama dan kedua

} Rakaat ketiga dan keempat

} Rakaat kelima dan keenam

} Rakaat ketujuh dan kelapan

3. TATACARA SOLAT TARAWIH 20 RAKAAT

Sekiranya warga UUM memilih untuk menunaikan Solat Sunat Tarawih 20 rakaat bolehlah dilakukan dengan 10 salam iaitu Solat Sunat Tarawih dilaksanakan dua rakaat pertama dan memberi salam. Seterusnya disambung semula dua rakaat berikutnya sehingga genap jumlah 20 rakaat (2 rakaat X 10 salam).

SUSUNAN SURAH SOLAT SUNAT TARAWIH 20 RAKAAT		
Bil.	Nama Surah	Permulaan Surah
1.	Surah al-Takathur	الْهٰكِمُ الْكَافِرُ
2.	Surah al-Ikhlâs	قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ
3.	Surah al-Asr	وَالْعَصْرِ
4.	Surah al-Ikhlâs	قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ
5.	Surah al-Humazah	وَيْلٌ لِّكُلِّ هُمَزَةٍ لُّمَزَةٍ
6.	Surah al-Ikhlâs	قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ
7.	Surah al-Fill	الَّذِينَ كَفَرُوا
8.	Surah al-Ikhlâs	قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ
9.	Surah Quraisy	لِإِيلَافِ قُرَيْشٍ
10.	Surah al-Ikhlâs	قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ
11.	Surah Al-Ma'un	أَنزِلَتْ أَلَيْدِي يُكَذِّبُ بِالْأَيْدِي
12.	Surah al-Ikhlâs	قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ
13.	Surah al-Kauthar	إِنَّا أَنْعَمْنَاكَ الْكَوْثَرَ
14.	Surah al-Ikhlâs	قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ
15.	Surah al-Kafirun	قُلْ يَتَّبِعُهَا الْكَافِرُونَ
16.	Surah al-Ikhlâs	قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ
17.	Surah al-Nasr	إِذَا جَاءَ نَصْرُ اللَّهِ وَالْفَتْحُ
18.	Surah al-Ikhlâs	قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ
19.	Surah al-Masad	تَبَّتْ يَدَا أَبِي لَهَبٍ وَتَبَّ
20.	Surah al-Ikhlâs	قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ

Apabila bermula malam ke-16 hingga akhir Ramadan, digalakkan membaca surah al-Qadr pada rakaat pertama. Pada rakaat kedua adalah surah-surah nombor ganjil dalam gambarajah di atas. Setelah selesai Solat Sunat Tarawih secara 8 rakaat atau 20 rakaat maka warga UUM disarankan untuk menunaikan Solat Sunat Witir.

4. TATACARA SOLAT SUNAT WITIR

Solat sunat witir boleh dilakukan sesudah habis Solat Sunat Tarawih dan boleh dilakukan secara berjemaah atau bersendirian.

Solat Sunat Witir dilakukan dengan 3 rakaat dan 2 salam. Dua rakaat yang pertama dan satu rakaat yang kedua.

Lafaz niat solat sunat witir bagi 2 rakaat pertama:

أُصَلِّي سُنَّةَ الْوِتْرِ رَكْعَتَيْنِ إِمَامًا / مَأْمُومًا لِلَّهِ تَعَالَى.

“Sahaja aku solat sunat witir dua rakaat imam/mamkum kerana Allah Ta’ala”

Lafaz niat solat sunat witir bagi 1 rakaat berikutnya:

أُصَلِّي سُنَّةَ الْوِتْرِ رَكْعَةً إِمَامًا / مَأْمُومًا لِلَّهِ تَعَالَى.

“Sahaja aku solat sunat witir satu rakaat imam/mamkum kerana Allah Ta’ala”

Bacaan surah dalam solat witir boleh dilakukan seperti berikut.


Selepas bacaan surah al-Fatihah bagi setiap rakaat, digalakkan membaca surah berikut:

1. Rakaat pertama - (Surah al-A’la)
2. Rakaat Kedua - Surah al-Kafirun
3. Rakaat ketiga/terakhir (Surah al-Ikhlâs, Surah al-Falaq dan Surah al-Nas) sekaligus dalam 1 rakaat terakhir.

5. BACAAN DOA QUNUT MALAM KE-16

Sebagai ingatan kepada warga UUM, bermula pada malam ke-16 hingga ke akhir Ramadan, disunatkan membaca doa qunut untuk rakaat terakhir solat sunat witr.

Bacaan doa qunut sama seperti dalam solat Subuh.



Pusat Islam UUM mengucapkan Selamat berpuasa dan mengharapkan dengan panduan ringkas ini dapat membantu warga UUM dapat menghidupkan amal ibadah di rumah semasa bulan Ramadhan ini. Semoga Ramadhan kali ini kita semua dapat melipatgandakan ibadah lebih baik berbanding dari tahun sebelum.

Disediakan oleh:

Ustaz Mohd. Yusnadi Bin Md Sabri
Pegawai Hal Ehwal Islam
Bahagian Modal Insan
Pusat Islam UUM